

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah rancangan masa panjang Kementerian dalam memodenkan jaringan perkhidmatan pengangkutan awam di Wilayah Persekutuan Labuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sentiasa mengambil perhatian khusus dalam merancang kemudahan awam. Menaiktaraf perkhidmatan pengangkutan awam adalah salah satu agenda dalam Inisiatif Wilayah Peduli. Berdasarkan *Blueprint* Pembangunan Labuan 2030, beberapa tindakan telah dirancang dan dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan jaringan pengangkutan awam lebih berdaya saing dan menjadi pemangkin pembangunan dan seterusnya untuk kemakmuran warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Terdapat cadangan pembangunan tersebut telah dilaksanakan seperti menaiktaraf kemudahan di Terminal Feri Roro dengan penyediaan Ramp kedua. Perbadanan Labuan juga sedang merancang untuk menaiktaraf kemudahan Terminal Feri Penumpang dan sedang berbincang dengan pihak swasta untuk pertambahan feri penumpang yang lebih laju bagi perjalanan Labuan-Kota Kinabalu-Labuan dan dapat mengurangkan masa perjalanan kepada 2 jam 30 minit.

Tuan Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pihak Kementerian juga telah mendapat kerjasama dalam syarikat penerbangan seperti MAS, Airasia dan Malindo Air untuk mempertingkatkan perkhidmatan di Wilayah Persekutuan Labuan. Untuk perancangan masa depan, keperluan penyediaan terminal dan fasiliti kargo udara, pihak Kementerian berharap dapat dilaksanakan segera.

Pembinaan jalan baharu yang merupakan perancangan jangka sederhana juga sedang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan. Pembinaan Jalan Pesisir dijangka akan siap dibina pada penghujung tahun 2020 akan menjadi pemangkin pembangunan di kawasan yang terlibat.

Pengangkutan bas di Wilayah Persekutuan Labuan pada masa ini diterajui oleh Persatuan Pemilik-Pemilik Bas Wilayah Persekutuan Labuan. Perkhidmatan bas mini yang menggunakan kenderaan van dan bas kecil dan didapati sesuai untuk kegunaan penduduk setempat kerana boleh memberi perkhidmatan kepada pengguna kerana boleh melalui jalan kampung dan lorong kecil. Kementerian bercadang menaiktaraf perkhidmatan tersebut dengan penyediaan lebih banyak perhentian bas seperti di Taman Perumahan Mutiara dan Taman Perumahan Ganggarak Permai.

Sekian, terima kasih.